

TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT

Perpustakaan
Universiti Teknologi MARA
Kampus Machang.

**PEMAKAIAN BARANG KEMAS PERAK REKABENTUK
TRADISIOANAL DI KALANGAN REMAJA PEREMPUAN**

ZARIATI BINTI AB.LLAH

97345675

IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA LOGAM HALUS

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MACHANG, KELANTAN**

MEI / OKTOBER 2001

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Syukur diucapkan ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dan uzin-Nya, tesis ini akhirnya berjaya disiapkan. Walaupun terdapat sedikit kerumitan, namun usaha tetap diteruskan untuk menyiapkan tesis ini, dengan berbekalkan sokongan dan bantuan dari semua pihak.

Di sini terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak ucapan terima kasih kepada pihak yang terbabit dalam membantu menjayakan penulisan tesis ini. Ucapan ini khususnya kepada Encik Mohd. Azhar b. Samin selaku penyelia tesis dan Encik Md. Sabri b. Mohamad selaku ketua bahagian tesis juga Encik Dahuri b. Idris selaku Koordinator Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar kepada kami terutamanya tentang penulisan tesis ini sehinggahal ianya berjaya disiapkan. Tanpa tunjuk ajar dan perhatian daripada mereka, tidak mungkin penulisan tesis ini dapat dilakukan dengan baik.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Kelantan serta kakitangan, pihak Muzium Negeri Trengganu, pihak Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Awam Negeri Trengganu serta kakitangan Perpustakaan UiTM Shah Alam dan Juga Kakitangan Perpustakaan UiTM Machang, Kelantan yang telah membantu dalam mencari maklumat yang berkaitan dengan tajuk tesis.

Juga kepada semua sampel yang terlibat, diucapkan ribuan terima kasih diatas segala kerjasama yang telah diberikan semasa menjawab soalan soal selidik dan sepanjang temubual dilakukan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan daripada mereka akan dikenang dan dihargai.

Tanpa bantuan dan kerjasama daripada semua pihak, tidak mungkin tesis ini berjaya disiapkan dengan baik dalam tempoh yang telah ditetapkan. Segala bantuan yang dihulurkan dari anda semua, sekali lagi diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Zariati Binti Ab.llah,

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Logam Halus,

Universiti Teknologi Mara,

Cawangan Machang, Kelantan.

Mei / Oktober 2001

SINOPSIS

Tesis yang dikemukakan ini adalah bertajuk “Pemakaian Barang Kemas Perak Rekabentuk Tradisional Di Kalangan Remaja Perempuan”. Pemilihan tajuk yang dikemukakan ini adalah lahir dari dalam diri sendiri untuk mengkaji, meneliti, memahami serta ingin mengetahuinya dengan lebih mendalam dari segala aspek. Di antaranya adalah aspek sejarah, pengaruh, penggunaan (pemakaian), permasalahan serta sedikit sebanyak tentang cara pembuatan.

Di pasaran sekarang, pelbagai jenis barang kemas di jual. Tetapi sebahagian besarnya terdiri daripada yang moden hasil daripada perubahan masa. Cuma sebahagian kecil sahaja yang masih mempamerkan ciri-ciri tradisional. Tidak ada lagi permintaan untuk rekabentuk tradisional. Jika ada pun hanya segelintir kecil sahaja. Berdasarkan kepada tajuk tesis inilah pengkaji menggunakan peluang yang ada untuk mengkaji penerimaan masyarakat, khususnya golongan remaja sekarang terhadap barang kemas perak yang berekabentuk tradisional secara teliti.

Antara perkara yang dikaji dalam tesis ini ialah dari segi tahap minat golongan remaja perempuan untuk memilih barang kemas perak sebagai perhiasan diri mereka. Selain itu kajian juga dijalankan ke atas setiap peringkat umur remaja yang terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu awal remaja, remaja dan akhir remaja. Ini adalah untuk melihat adakah terdapat perbezaan dari segi pemilihan jenis barang kemas di kalangan remaja ini. Begitu juga dengan pihak pengusaha. Apa yang turut dikaji di sini ialah bagaimana pengusaha barang kemas perak dapat mempengaruhi golongan remaja untuk memilih rekabentuk tradisional.

SENARAI JADUAL

	M / surat
Jadual (a): Klasifikasi Barang Kemas Melayu Tradisi.	8
Jadual 1: Umur responden	43
Jadual 2: Status responden	43
Jadual 3: Saya suka memakai barang kemas sebagai perhiasan.	44
Jadual 4: Barang kemas perak menjadi pilihan saya.	45
Jadual 5: Adakah anda mengenali barang kemas rekabentuk tardisional.	46
Jadual 6: Adakah anda berminat dengan rekabentuk barang kemas tradisional.	47
Jadual 7: Saya berpendapat rekabentuk barang kemas perak tradisional menarik.	48
Jadual 8: Saya lebih meminati barang kemas jenis manik, nikel dan perak rekabentuk moden.	49
Jadual 9: Bagi saya, rekabentuk barang kemas tradisional sudah ketinggalan zaman.	50
Jadual 10: Rekabentuk barang kemas moden lebih menarik minat golongan remaja sekarang berbanding dengan yang tradisional.	51
Jadual 11: Saya memilih sesuatu barang kemas berdasarkan kepada penyesuaianya dengan fesyen pakaian.	52
Jadual 12: Anda seorang prnggema fesyen yang sentiasa mengikut perubahan.	53
Jadual 13: Saya lebih sukakan swesuatu yang ringkas dan tidak keterlaluan.	54
Jadual 14: Sesuatu yang tradisional harus dikekalkan.	55
Jadual 15: Status responden.	56
Jadual 16: Adakah anda memiliki koleksi barang kemas rekabentuk tradisional.	56